

Penyampaian Chek berharga \$8,000
kapada Yang Berhormat Menteri Pelajaran
oleh Enche' S. Senn, Pengurus Agong
Nestle's Products (Malaysia) Limited pada 21/6/71.

Enche Senn,

Bagi pehak Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia,
saya dengan seberapa sukachita-nya menerima chek ini
yang berharga \$8,000/= daripada Nestle's Products
Limited. Wang ini akan di-gunakan untok menjalankan
Kejohanan Badminton Sekolah2 Malaysia yang akan di-adakan
di-Seremban dari 2hb. hingga 4hb. Ogos pada tahun ini.

Ini-lah tahun ke-sembilan berturut2 Sharikat
Nestle telah tampil kahadapan untok menganjorkan
Kejohanan Badminton Sekolah2 Malaysia yang akan menarek
lebeh dari 80 pemain2 badminton yang terbaik dari murid2
sekolah, lelaki dan perempuan mewakili ke-semua tiga
belas negeri Malaysia dalam satu pertandingan yang
sehat.


A 21/6.

2/..

Kami sangat menghargai pengiktirafan yang di-berikan oleh Persatuan Badminton Malaysia ke-atas mutu permainan peserta2 dalam kejohanan Badminton Sekolah2 Malaysia. Johan dan Naib-johan persaorangan dalam kejohanan Badminton Sekolah2 Malaysia 1970 telah di-pilih oleh Persatuan Badminton Malaysia untok menyertai dalam kejohanan badminton Seluruh England dan Kejohanan2 Kebangsaan yang lain di-Eropah dan Amerika pada tahun ini.

Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia dan semua Majlis Sukan Sekolah2 Negeri sedar akan peranan2 penting yang boleh mereka mainkan dalam menolong untok meninggikan taraf badminton keseluruhannya di-negara ini. Sukachita di-perhatikan bahawa mereka telah mengambil langkah2 positif melalui ranchangan2 latehan yang teratur di-peringkat negeri dan kebangsaan untok menentukan supaya peranan ini di-mainkan dengan berkesan.

Sokongan yang di-berikan oleh Sharikat Nestle dalam memajukan permainan badminton di-Sekolah2 Malaysia telah memberi galakan kepada murid2 dan juga guru2. Kami berharap Sharikat Nestle akan terus memberikan sokongan mereka kepada Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia dan Majlis Sukan Sekolah2 Negeri.



- 2 -

Sokongan yang di-perikan oleh Shariikat
Nestle dalam memajukan permainan badminton di-Sekolah
Malaysia telah memberi gajahan kepada murid dan juga
guru. Kami berharap Shariikat Nestle akan terus
memberikan sokongan mereka kepada Majlis Sukan Sekolah
Malaysia dan Majlis Sukan Sekolah negeri.



No Siri	633
No Penerimaan	26/84